

MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-21 PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR (K.L), 1 OGOS 1992

Saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden Parti GERAKAN, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja parti kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Parti yang ke-21 pagi ini. Kehadiran saya di majlis ini memberi kesempatan sekali lagi kepada saya untuk bertemu muka dengan pemimpin- pemimpin dan wakil-wakil parti.

2. Saya merasa gembira bahawa GERAKAN di bawah pimpinan Dr. Lim terus kukuh dan stabil. Walaupun demokrasi dalam parti memberi ahli hak untuk bertanding tempat dan jawatan, pertandingan tidak harus dibuat hanya kerana ini adalah hak dalam demokrasi. Pertandingan hanya perlu jika benar-benar nyata keadaan betul-betul buruk. Dengan itu keadaan parti akan lebih stabil, yang mana ini akan menyumbang kepada kestabilan negara.

3. Walaupun keadaan politik di negara kita pada umumnya tenang dan stabil, perubahan besar yang berlaku di dunia kini memerlukan kita sentiasa berhati-hati. Dengan berakhirnya Perang Dingin dan keruntuhan pemerintahan komunis di kebanyakan negara di seluruh dunia, kita kini berhadapan dengan keadaan di mana blok Barat menguasai dunia. Kita telahpun melihat bagaimana negara-negara yang kuat ini telah bertindak ke atas negara-negara yang lemah, tanpa menghiraukan kedaulatan dan kewibawaan negara-negara berkenaan.

4. Justeru itu, adalah amat penting kita menjadi sebuah negara yang maju. Untuk menjadi sebuah negara yang maju kita perlu mengukuhkan lagi ekonomi kita. Ini hanya boleh dicapai jika semua kaum di negara ini sentiasa bersatupadu, hidup aman damai dan berusaha dengan lebih gigih. Hanya dengan menjadi sebuah negara maju sahajalah baru negara kita akan dihormati dan disanjung tinggi. Jika negara kita lemah dan miskin sudah pasti kita tidak dapat bertindak dengan bebas dalam usaha untuk menjaga maruah, kedaulatan dan keselamatan kita. Sebagai sebuah negara yang merdeka kita tidak mahu hidup di bawah telunjuk mana-mana pihak. Sebagai negara yang bebas, hanya kita yang patut menentukan nasib dan masa depan kita. Kita ingin menjadi sebuah negara maju bukan kerana kita mahu menunjukkan kepada dunia bahawa kita juga berkuasa dan kuat. Kita mahu menjadi sebuah negara maju kerana kita mahu rakyat Malaysia hidup sejahtera, aman dan makmur dan dapat menentukan nasib kita sendiri tanpa sebarang tekanan.

5. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara ini adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Tidak ada sebab kita harus merasa kurang yakin dan bimbang untuk menjadi sebuah negara maju. Di sebaliknya kita patut bersemangat dan berbangga kerana kita mempunyai matlamat pembangunan yang hendak dituju dan dicapai. Amatlah sukar bagi sesiapa untuk berusaha jika arah dan matlamat tidak diketahui. Dengan menentukan matlamat yang rasional, kita di Malaysia mudah menyusun langkah ke arahnya.

6. Dalam dunia ini tidak ada yang tidak mungkin jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan menumpukan usaha dan tenaga kita ke arah pencapaiannya. Apakah Barat dahulunya menjangkakan Jepun boleh menjadi begitu maju sehinggakan dalam banyak bidang Barat kini ketinggalan di belakang? Begitu juga dengan Korea Selatan dan Taiwan. Dengan usaha gigih rakyatnya Korea Selatan dan Taiwan telah menjadi negara-negara yang hampir bertaraf negara maju. Kita juga mempunyai "ingredients" yang diperlukan untuk mencapai taraf negara maju. Malah kita lebih mampu kerana, sementara Jepun, Korea dan Taiwan kekurangan sumber semulajadi termasuk minyak, kita mempunyai semua ini lebih daripada keperluan kita.

7. Yang penting ialah kita semua mempunyai keyakinan, semangat dan sikap yang sesuai dengan kemajuan. Di sinilah para pemimpin dan ahli-ahli Barisan Nasional boleh berperanan. Mereka boleh menerangkan matlamat yang hendak dicapai oleh Kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional. Yang penting ditegaskan ialah kejayaan Wawasan 2020 memerlukan sokongan semua kaum. Wawasan 2020 bukan dibentuk untuk dijayakan oleh sesuatu kaum sahaja. Ia juga bukan untuk sesuatu kaum. Wawasan 2020 adalah untuk rakyat Malaysia semua kaum, iaitu Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Melanau, Murut dan sebagainya.

8. Jika kita mengikuti apa yang sedang berlaku di merata dunia hari ini, kita akan sedar bahawa kita di Malaysia sungguh bernasib baik. Rakyat Malaysia tidak menghadapi persengketaan kaum, penindasan, kepahitan hidup dan kebuluran sepertimana yang berlaku di beberapa negara. Negara kita bukan sahaja aman damai dan bersatupadu tetapi rakyatnya juga bebas beragama, bebas mengekalkan budaya kaum dan bebas mencari kekayaan.

9. Kini negara kita bukan sahaja terus stabil dan aman tetapi juga berjaya di dalam bidang ekonomi. Kini Malaysia adalah antara beberapa negara di dunia yang ekonominya mengalami pertumbuhan yang pesat dan pertumbuhan ini diramalkan akan tetap tinggi. Pengakuan kejayaan Malaysia menguruskan ekonominya dengan baik dan bijak bukanlah datang daripada kita, tetapi daripada berbagai-bagai pertumbuhan antarabangsa. Bukanlah tujuan kita untuk mendabek dada atau mengangkat diri kita sendiri dalam hal ini. Ianya adalah satu kenyataan.

10. Secara tidak langsung pengakuan ini adalah satu pengiktirafan antarabangsa bahawa cara Kerajaan Barisan Nasional menguruskan negara ini adalah baik. Ia membuktikan kepada dunia bahawa keadaan penduduk berbilang kaum dan agama tidak menghalang sesebuah negara itu daripada mencapai pembangunan dan kemajuan ekonomi yang pesat jika Kerajaannya cekap dan bersikap adil dan rakyatnya hidup berharmoni, bersatu padu, saling hormat menghormati dan bekerjasama. Dahulu ramai yang meramalkan Malaysia tidak mungkin maju kerana penduduknya yang berbilang kaum dan agama. Kini ramai pula yang hairan dan menyanjung tinggi pencapaian kita dalam menguruskan ekonomi dan pentadbiran negara. Malah kini kita menjadi model atau contoh bagi negara-negara membangun lain.

11. Justeru itu, marilah kita terus mengukuhkan lagi asas- asas yang telah kita bina bersama bagi menjamin negara kita terus stabil, harmoni, sejahtera dan makmur di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Dalam usaha ini, Barisan Nasional telah membuktikan bahawa hanya ia sahaja yang mampu menjayakan hasrat ini. Ini kerana Barisan Nasional tidak keterlaluan, tetapi sebaliknya, "moderate" dan sentiasa mengambil berat kepentingan semua kaum.

12. Pada hari ini Barisan Nasional bukan sahaja lebih kukuh dan mantap tetapi juga terus mendapat sokongan majoriti rakyat. Rakyat kini semakin sedar tentang tidak adanya faedah menyokong pihak pembangkang. Pihak pembangkang bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah rakyat, tetapi di dalam banyak tindakannya mewujudkan lagi masalah dan kesusahan kepada rakyat. Bangkangan mereka tidak mempunyai asas. Mereka membangkang kerana mereka pembangkang.

13. Kekecewaan rakyat terhadap pembangkang dapat kita lihat di negeri-negeri yang diperintah oleh parti-parti pembangkang. Tindakan kedua-dua Kerajaan di negeri-negeri ini bukan untuk kepentingan rakyat tetapi untuk kepentingan parti. Pegawai dan kakitangan yang dianggap tidak menyokong parti mereka disingkir atau diketepikan. Perhitungan tentang kesan sesuatu tindakan tidak dibuat dengan teliti. Tindakan diambil dengan tergesa-gesa. Hanya apabila kesan buruk dialami baharulah tindakan dibatalkan. Demikian juga dengan cadangan-cadangan mereka. Sebelum pun sempat dikaji, perisytiharan dibuat dahulu kerana kepentingan politik. Kemudian apabila didapati reaksi tidak begitu baik, baharulah percubaan dibuat untuk menjelaskan bahawa cadangan yang diumumkan tidaklah seperti sangkaan orang ramai. Pada ketika itu adalah terlalu lewat untuk meyakinkan orang ramai. Soal perlaksanaan hukum hudud termasuklah dalam kategori ini. Semua ini menunjukkan bahawa apabila orang yang bukan ahli dalam sesuatu bidang diberi kuasa dan tanggungjawab, kerosakan akan berlaku. Kedua-dua negeri yang diperintah oleh parti pembangkang mengalami kelembapan ekonomi di masa negara umumnya berada dalam keadaan "eco- nomic boom".

14. Saya percaya jika para pemimpin dan ahli-ahli Barisan Nasional berusaha dengan lebih gigih lagi untuk memenangi hati rakyat di negeri-negeri tersebut dan memberi penerangan yang betul, kita akan dapat mengubah keadaan. Yang penting parti-parti komponen Barisan Nasional mesti menunjukkan kepada penduduk di negeri-negeri ini bahawa hanya Barisan Nasional sahaja yang dapat membawa pembangunan dan kemajuan, baik material mahupun spiritual.

15. Perlu juga diingatkan bahawa walaupun kedudukan Barisan Nasional telah bertambah kukuh, kita tidak harus menjadi leka. Pihak pembangkang akan terus berusaha untuk memburuk- burukkan Barisan Nasional bagi mengembangkan pengaruh mereka. Mereka akan menyebarkan fitnah dan dakyah serta menimbulkan dan memperbesarkan isu-isu kecil serta yang telah pun diselesaikan oleh Kerajaan. Tindakan pemimpin DAP, Encik Lim Kit Siang enggan membayar tol adalah contoh bahawa DAP telah kehabisan modal untuk menarik perhatian

rakyat. Oleh itu kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan tindak- tanduk parti lawan dan mengambil tindakan mendedahkan pembohongan mereka.

16. Saya percaya para perwakilan mempunyai banyak perkara yang hendak dibincangkan di Persidangan ini. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberi layanan yang saksama kepada anggota-anggota parti komponennya. Oleh itu, Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan kepada perkara- perkara yang dibangkitkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional di dalam Mesyuarat Perwakilan mereka. Adalah diharapkan segala perbincangan akan mengambil kira kepentingan Barisan Nasional serta semua kaum di negara ini. Saya juga mengucapkan selamat bersidang kepada Mesyuarat Perwakilan GERAKAN ini.

17. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan ke-21 Parti GERAKAN.